



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

ELEMEN BAYAN DALAM AMTHAL RASULULLAH S.A.W.

MOHAMAD BIN HUSSIN

FBMK 2016 52



ELEMEN BAYĀN DALAM AMTHĀL RASULULLAH S.A.W.

Oleh

MOHAMAD BIN HUSSIN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi sebagai keperluan untuk Ijazah
Doktor Falsafah**

Julai 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

ELEMEN BAYĀN DALAM AMTHĀL RASULULLAH S.A.W.

Oleh

MOHAMAD BIN HUSSIN

Julai 2016

Pengerusi : Mohd Sukki Othman, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis elemen *bayān* dalam *amthāl* Rasulullah S.A.W. yang mengandungi unsur *majāz* dalam menerangkan sesuatu maksud. Sesetengah unsur *majāz* boleh menimbulkan permasalahan jika diabaikan elemen *bayān* di dalamnya. Oleh itu, sesuatu hadith itu perlu diinterpretasikan maknanya dengan tepat. Kajian mendapati kegagalan memahami makna hadith adalah disebabkan gagal memahami elemen *bayān* yang terdapat di dalamnya. Objektif kajian adalah bertujuan mengenal pasti elemen *bayān* yang terdapat dalam *amthāl* Rasulullah S.A.W. Selain itu, kajian ini juga bertujuan meneliti dan menjelaskan makna nahu, konteks serta tema yang melatari *amthāl* kajian. Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan pendekatan *bayān* oleh 'Atīq (1998), teori *naẓm* al-Jurjāniy (1994) dan teori *naẓm* al-Quran oleh 'Abbās (1991) sebagai asas kajian. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti teks secara tekstual dan kontekstual. Bahan kajian merupakan *amthāl* Rasulullah S.A.W. yang terdapat dalam kitab-kitab himpunan *amthāl* dan bersumberkan kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*. Hasil kajian ini akan dimanfaatkan untuk membantu bagi memahami *amthāl* Rasulullah S.A.W. dengan lebih jelas, sesuai dengan elemen *bayān* yang digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen *bayān* dalam *amthāl* Rasulullah S.A.W. berfungsi menjelaskan perkara yang abstrak seperti gambaran syurga dan neraka untuk mendekatkan pemahamannya kepada pendengar. Selain itu, analisis dari sudut makna nahu mendapati Rasulullah S.A.W. menggunakan berbagai pendekatan dalam menyampaikan makna yang diinginkan seperti pengguguran frasa ayat, *taqdīm*, *ta'khīr*, pendekatan *tamthīl* dan adaptasi kisah. Dapatan juga menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W. menggunakan pelbagai gaya *bayān* seperti *tashbīḥ*, *isti'ārah*, *majāz mursal* dan *kināyah* untuk mengetengahkan tema yang berkaitan dengan akidah, akhlak individu, akhlak masyarakat, kewanitaan, kemanusiaan dan kebudayaan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

BAYĀN ELEMENTS IN RASULULLAH'S (p.b.u.h.) PROVERBS

By

MOHAMAD BIN HUSSIN

July 2016

Chair : Mohd Sukki Othman, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The objective of this research is to analyze the Prophet Muhammad's (p.b.u.h.) *bayān* in proverbs elements. The Prophet's sayings contain *majāz* elements in explaining meanings. Some *majāz* elements can bring about predicaments if the *bayān* elements in them were ignored. Therefore, the meanings of a hadith need to be precisely interpreted. Studies have shown that the failure in understanding the meanings of a hadith is caused by the failure in understanding the *bayān* elements stated in it. Thus, this study is focused on the *bayān* elements in Rasulullah's (p.b.u.h.) proverbs to identify and elaborate *bayān* elements in every evidence (*nas*) involved. This research is a descriptive study that uses the *bayān* strategies by 'Atīq (1998), the theory of *naẓm* al-Jurjāniy (1994) and the theory of *naẓm al-Quran* by 'Abbās (1991) as the bases of the study. Analysing content methodology is used to study the texts textually and contextually. The entity of this study is Rasulullah's (p.b.u.h.) proverbs that are found in books of proverbs collections and are sourced by *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* and *Ṣaḥīḥ Muslim* books. The outcome of this study will be used to assist in understanding Rasulullah's (p.b.u.h.) proverbs better and clearer, relevant to the *bayān* elements used. This research has shown that all the *bayān* elements which are found in Rasulullah's (p.b.u.h.) proverbs have functioned as an illustrative view of meanings which could be seen clearly and to make vivid those that are abstract. In addition, analysis based on grammar items found that Rasulullah (p.b.u.h.) used a variety of strategies in conveying meanings such as the omitting of phrases in sentences, *taqdīm*, *ta'khīr*, *tamthīl* strategies and event adaptation. This study also shown that Rasulullah (p.b.u.h.) used a variety of *bayān* styles such as *tashbīḥ*, *isti'ārah*, *majāz mursal* and *kināyah* to bring forth themes related to beliefs (*aqidah*), individual behavior, societal attitudes, femininity, humanity and culture.

PENGHARGAAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Doktor Falsafah Sastera Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, saya mengambil kesempatan yang ada untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini iaitu Dr. Mohd Sukki Othman, Dr. Muhd. Zulkifli Ismail dan Dr. Nik Farhan Mustapha yang telah banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar dan menyelia kerja-kerja penyelidikan sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Terima kasih juga saya rakamkan kepada semua kakitangan dan pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak membantu sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Jutaan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberikan saya peluang untuk menyambung pelajaran selama tiga tahun di Universiti Putra Malaysia.

Terima kasih juga ditujukan kepada semua pegawai dan staf Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah yang telah memberikan pelbagai bantuan dan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini.

Juga tidak dilupakan penghargaan ini kepada kedua ibu bapa yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Juga buat isteri dan anak-anak tersayang kerana amat memahami, memberi dorongan dan sokongan sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis.

Akhir kata, harapan saya agar usaha dan kerjasama semua pihak dapat diterima dan diberi ganjaran sebagai sebahagian daripada amal kebajikan oleh Allah S.W.T. Sesungguhnya segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada saya kerana sesuatu yang lengkap dan sempurna itu milikNya sahaja. Terima kasih.

MOHAMAD BIN HUSSIN
Kuala Kangsar, Perak
31 Mac 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Sukki Othman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Muhd. Zulkifli Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nik Farhan Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Mohd Sukki Othman, PhD

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Muhd. Zulkifli Ismail, PhD

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Nik Farhan Mustapha, PhD

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xv
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB

1	PENGENALAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Objektif Kajian	8
	1.4 Soalan Kajian	8
	1.5 Kepentingan Kajian	8
	1.6 Batasan Kajian	12
	1.7 Definisi Operasional	13
	1.8 Kesimpulan	14
2	SOROTAN LITERATUR	15
	2.1 Pendahuluan	15
	2.2 Pengertian <i>Bayān</i> Dan Sejarah Perkembangan	16
	2.2.1 Komponen Perbahasan <i>Bayān</i>	21
	2.2.1.1 <i>Tashbīh</i>	22
	2.2.1.2 <i>Isti'ārah</i>	32
	2.2.1.3 <i>Majāz Mursal</i>	40
	2.2.1.4 <i>Kināyah</i>	45
	2.2.2 <i>Bayān</i> Kaedah Menyampaikan Makna	48
	2.2.3 <i>Bayān</i> Rasulullah S.A.W.	50
	2.2.4 Sumbangan <i>Bayān</i> Rasulullah S.A.W.	56
	2.2.5 Ciri-Ciri <i>Bayān</i> Rasulullah S.A.W.	60
	2.3 <i>Amthāl</i> Dalam Persuratan Arab	65
	2.3.1 Pengertian <i>Amthāl</i> Dari Sudut Bahasa	66
	2.3.2 <i>Amthāl</i> Dari Sudut Istilah	67
	2.3.3 Kategori <i>Amthāl</i>	70
	2.3.4 <i>Amthāl</i> Dalam Hadith Rasulullah S.A.W.	72
	2.3.5 <i>Amthāl</i> dan Bahasa	76
	2.3.6 <i>Amthāl</i> dan Balaghah	77
	2.3.7 <i>Amthāl</i> dan Budaya	79
	2.3.8 <i>Amthāl</i> dan Kepercayaan Masyarakat	81
	2.4 Analisis Kritis	83

2.5	Kesimpulan	85
3	METODOLOGI KAJIAN	86
3.1	Pendahuluan	86
3.2	Reka Bentuk Kajian	86
3.3	Konsep Kajian	87
3.3.1	Pengertian <i>Naẓm</i>	88
3.3.2	<i>Naẓm</i> Menurut Pandangan Al-Jurjāniy	89
3.4	Kaedah Kajian	104
3.5	Bahan Kajian	105
3.6	Penganalisan Data	107
3.7	Kerangka Konseptual Kajian	109
3.8	Kesimpulan	110
4	ANALISIS DAPATAN KAJIAN	112
4.1	Pendahuluan	112
4.2	Analisis elemen <i>bayān</i> dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	112
4.2.1	<i>Tashbīh</i> Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	112
4.2.1.1	<i>Tashbīh Balīgh</i> Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	114
4.2.1.2	<i>Tashbīh Tamthīliyy</i> Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	116
4.2.1.3	<i>Tashbīh Dimniyy</i> Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	120
4.2.2	<i>Isti'ārah</i> Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	121
4.2.2.1	<i>Isti'ārah Taṣrīḥiyyah</i> Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	121
4.2.2.2	<i>Isti'ārah Makniyyah</i> Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	124
4.2.2.3	<i>Isti'ārah Tamthīliyyah</i> Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	126
4.2.3	<i>Majāz Mursal</i> Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	128
4.2.4	<i>Kināyah</i> Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	131
4.3	Analisis Pengaruh Konteks Dan Makna Nahu Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	137
	<i>Mathal</i> 1	137
	<i>Mathal</i> 2	142
	<i>Mathal</i> 3	145
	<i>Mathal</i> 4	149
	<i>Mathal</i> 5	152
	<i>Mathal</i> 6	156
	<i>Mathal</i> 7	159
	<i>Mathal</i> 8	162
	<i>Mathal</i> 9	165
	<i>Mathal</i> 10	168
	<i>Mathal</i> 11	172
	<i>Mathal</i> 12	174
	<i>Mathal</i> 13	177
	<i>Mathal</i> 14	180
	<i>Mathal</i> 15	182
	<i>Mathal</i> 16	185
	<i>Mathal</i> 17	187
	<i>Mathal</i> 18	190

	<i>Mathal 19</i>	193
	<i>Mathal 20</i>	198
	<i>Mathal 21</i>	201
	<i>Mathal 22</i>	203
	<i>Mathal 23</i>	206
	<i>Mathal 24</i>	208
	4.4 Analisis Tema <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	211
	4.4.1 <i>Bayān</i> Rasulullah S.A.W. Bertemakan Akidah	212
	4.4.2 <i>Bayān</i> Rasulullah S.A.W. Bertemakan Akhlak	214
	4.4.2.1 Akhlak Individu Muslim	215
	4.4.2.2 Akhlak Masyarakat Muslim	226
	4.4.3 <i>Bayān</i> Rasulullah S.A.W. Bertemakan Wanita	231
	4.4.4 <i>Bayān</i> Rasulullah S.A.W. Bertemakan Kemanusiaan	236
	4.4.5 <i>Bayān</i> Rasulullah S.A.W. Bertemakan Kebudayaan	237
	4.5 Kesimpulan	245
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	246
	5.1 Pendahuluan	246
	5.2 Rumusan	246
	5.2.1 Rumusan Elemen <i>Bayān</i> Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	246
	5.2.2 Rumusan Makna Nahu Dan Konteks Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	248
	5.2.2.1 Pengguguran Frasa Ayat	248
	5.2.2.2 <i>Taqdīm</i> Dan <i>Ta'khīr</i>	252
	5.2.2.3 Pendekatan <i>Tamthīl</i> (Imaginatif)	254
	5.2.2.4 Adaptasi Kisah	256
	5.2.2.5 Penggunaan Lebih Dari Satu Elemen <i>Bayān</i>	257
	5.2.3 Rumusan Tema Dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	259
	5.3 Cadangan	260
	5.3.1 Cadangan Dari Aspek Kajian Balaghah	260
	5.3.2 Cadangan Dari Aspek Metodologi	260
	5.3.3 Cadangan Kepada Kurikulum Balaghah	261
	5.4 Penutup	262
	BIBLIOGRAFI	263
	BIODATA PELAJAR	277
	SENARAI PENERBITAN	278

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Perkembangan Makna Istilah <i>Bayān</i>	19
2.2	Elemen <i>bayān</i> yang digunakan Rasulullah S.A.W. untuk menyatakan peranan puasa	55
3.1	Jumlah <i>Amthāl</i> yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W. dalam kitab-kitab himpunan <i>amthāl</i>	86
4.1	Sumber perlambangan dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	136
4.2	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “Allah lebih kasihkan hambaNya daripada ibu menyusu kasihkan anaknya”	212
4.3	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “neraka dipagari dengan perkara yang digemari, syurga dipagari dengan perkara yang dibenci”	213
4.4	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “iman akan kembali berlindung ke Madinah sepertimana ular kembali berlindung ke dalam lubangnya”	214
4.5	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “orang mukmin tidak akan dipatuk dalam lubang yang sama dua kali”	216
4.6	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “orang yang berpura-pura memiliki sesuatu yang tidak diperolehinya bagaikan pemakai dua baju palsu”	217
4.7	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “sesiapa yang menjamin kepadaku benda yang berada di antara dua tulang rahangnya ...”	219
4.8	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “sesungguhnya orang mukmin makan dengan satu perut...”	220
4.9	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “antara rumput rampai yang ditumbuhkan musim bunga ada yang membunuh...”	221
4.10	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “sebelah kanan kemudian sebelah kanan”	223
4.11	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “sesungguhnya manusia bagaikan seribu unta, kamu hampir tidak mendapati seekor unta <i>rāḥilah</i> ”	224
4.12	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “sesungguhnya sabar yang sebenar ialah pada saat mula ditimpa musibah”	225
4.13	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “sesungguhnya perumpamaan pemilik al-Quran adalah seumpama pemilik unta yang ditambat”	226
4.14	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah”	227
4.15	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “agama itu nasihat”	229
4.16	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “ipar duai itu maut”	230
4.17	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “sesiapa yang amalannya melambatkannya, keturunannya tidak akan mempercepatkannya”	231
4.18	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “hati-hati, yang kamu bawa adalah botol kaca”	233
4.19	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “aku bagimu bagaikan Abu Zar‘in...”	235
4.20	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “ihsan kepada semua yang memiliki hati basah ada ganjaran”	237

4.21	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “sebahagian daripada <i>bayān</i> itu sihir”	239
4.22	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “sekarang dapur telah panas”	240
4.23	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “kuda itu, terikat di jambulnya kebaikan sehingga hari kiamat”	242
4.24	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “Uḥud adalah bukit yang mengasihi kami dan kami mengasihinya”	243
4.25	<i>Naẓm</i> yang membentuk <i>mathal</i> “anak bagi pemilik alas tidur dan penzina mendapat batu”.	244
5.1	Pengguguran frasa ayat dalam <i>mathal</i>	248
5.2	Elemen <i>taqdīm</i> dan <i>ta'khīr</i> dalam <i>Amthāl</i> kajian	253
5.3	Pendekatan memaparkan gambaran dalam <i>Amthāl</i> Rasulullah S.A.W.	254
5.4	Kisah-kisah yang diadaptasi oleh Rasulullah S.A.W. dalam <i>Amthāl</i>	256
5.5	Penggunaan lebih dari satu elemen <i>bayān</i> dalam satu <i>mathal</i>	258

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Komponen <i>bayān</i> berdasarkan pembahagian oleh ‘Atiq (1998)	48
3.1	Pendekatan <i>bayān</i> oleh ‘Atiq (1998)	88
3.2	Teori <i>naẓm</i> oleh al-Jurjāniy (1994)	90
3.3	Konteks situasi dalam <i>Dalā’il al-I’jāz</i>	100
3.4	Teori <i>naẓm</i> al-Quran oleh ‘Abbas (1991)	104
3.5	Kerangka konseptual kajian yang dirangka berdasarkan pendekatan <i>bayān</i> oleh ‘Atiq (1998), teori <i>naẓm</i> al-Jurjāniy (1994) dan teori <i>naẓm</i> al-Quran oleh ‘Abbās (1991)	110
4.1	Latar <i>mathal</i> “aku bagimu bagaikan Abu Zar’in terhadap Umm Zar’in”	138
4.2	Latar <i>mathal</i> “ipar duai adalah maut”	143
4.3	Latar <i>mathal</i> “sesungguhnya sebahagian bayan itu sihir”.	146
4.4	Latar <i>mathal</i> “sesungguhnya perumpamaan pemilik al-Quran adalah seumpama pemilik unta yang ditambat”.	150
4.5	Latar <i>mathal</i> “sesungguhnya manusia itu bagaikan seribu unta, kamu hampir tidak mendapati seekor unta <i>rāḥilah</i> ”	153
4.6	Latar <i>mathal</i> “sesungguhnya iman akan kembali berlindung ke Madinah sepertimana ular kembali berlindung ke dalam lubangnya”	157
4.7	Latar <i>mathal</i> “orang yang berpura-pura memiliki sesuatu yang tidak diperolehinya bagaikan pemakai dua baju palsu”	160
4.8	Latar <i>mathal</i> “Allah lebih kasihkan hambaNya daripada ibu menyusu kasihkan anaknya	163
4.9	Latar <i>mathal</i> “agama itu nasihat”	168
4.10	Latar <i>mathal</i> “syurga dipagari dengan perkara yang dibenci dan neraka dipagari dengan perkara yang digemari”.	169
4.11	Keterangan makna <i>mathal</i> hasil adaptasi daripada Ibn Hajar (1989, jil. 11: 389)	171
4.12	Latar <i>mathal</i> “sesiapa yang amalannya melambatkannya, keturunannya tidak akan mempercepatkannya”.	172
4.13	Latar <i>mathal</i> “sesungguhnya kebanyakan rumput rampai yang ditumbuhkan musim bunga ada yang membunuh kerana kembang atau seakan membunuh”.	175
4.14	Latar <i>mathal</i> “orang mukmin tidak akan dipatuk dalam lubang yang sama dua kali”	178
4.15	Latar <i>mathal</i> “sekarang dapur telah panas”	181
4.16	Latar <i>mathal</i> “tangan di atas lebih baik dari tangan di bawah”.	183
4.17	Latar <i>mathal</i> “Uhud adalah bukit yang mengasihi kami dan kami mengasihinya”.	186
4.18	Latar <i>mathal</i> “kuda itu, diikat dijambulnya kebaikan sehingga hari kiamat”	189
4.19	Kedudukan tetamu seperti yang digambarkan oleh Anas bin Mālik r.a.	191
4.20	Latar <i>mathal</i> “sebelah kanan kemudian sebelah kanan”	192

4.21	Latar <i>amthal</i> “ <i>ihsan kepada semua yang memiliki hati basah ada ganjaran</i> ”	194
4.22	Latar <i>mathal</i> “ <i>sesiapa yang menjamin kepadaku benda yang berada di antara dua tulang rahangnya dan di antara dua kakinya...</i> ”	198
4.23	Latar <i>mathal</i> “ <i>hati-hati! kamu bawa botol kaca</i> ”	201
4.24	Latar <i>mathal</i> “ <i>anak bagi pemilik alas tidur dan penzina mendapat batu</i> ”.	204
4.25	Latar <i>mathal</i> “ <i>orang-orang mukmin makan dengan satu perut dan orang-orang kafir makan dengan tujuh perut</i> ”	207
4.26	Latar <i>mathal</i> “ <i>sesungguhnya sabar yang sebenar ialah pada saat mula ditimpa musibah</i> ”	209
5.1	Makna yang terhasil kesan pengguguran <i>wajah al-shabah</i>	249
5.2	Makna yang terhasil kesan pengguguran <i>wajah al-shabah</i>	249
5.3	Makna yang terhasil kesan pengguguran <i>wajah al-shabah</i>	250

PANDUAN TRANSLITERASI

Transliterasi huruf-huruf Arab ke huruf-huruf rumi ini berdasarkan pedoman yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (2008):

a) Konsonan

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
ء	hamzah	,	سأل <i>sa'ala</i>
ب	<i>bā'</i>	<i>b</i>	بدأ <i>bada'a</i>
ت	<i>tā'</i>	<i>t</i>	تشبيه <i>tashbīh</i>
ث	<i>thā'</i>	<i>th</i>	تمثيل <i>tamthīl</i>
ج	<i>jīm'</i>	<i>j</i>	جامع <i>jāmi'</i>
ح	<i>ḥā'</i>	<i>ḥ</i>	حال <i>ḥāl</i>
خ	<i>khā'</i>	<i>kh</i>	خير <i>khayr</i>
د	<i>dāl</i>	<i>d</i>	دين <i>dīn</i>
ذ	<i>dhāl</i>	<i>dh</i>	ذيل <i>dhayl</i>
ر	<i>rā'</i>	<i>r</i>	رزق <i>rizq</i>
ز	<i>zāy</i>	<i>z</i>	زيتون <i>zaytūn</i>
س	<i>sīn</i>	<i>s</i>	سجد <i>sajada</i>
ش	<i>shīn</i>	<i>sh</i>	شبه <i>shabah</i>
ص	<i>ṣād</i>	<i>ṣ</i>	صدر <i>ṣadr</i>
ض	<i>ḍād</i>	<i>ḍ</i>	ضيف <i>ḍayf</i>
ط	<i>ṭā'</i>	<i>ṭ</i>	طويل <i>ṭawīl</i>
ظ	<i>ẓā'</i>	<i>ẓ</i>	ظالم <i>ẓālim</i>

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
ع	' <i>ayn</i>	'	عذاب ' <i>adhāb</i>
غ	<i>ghayn</i>	<i>gh</i>	غار <i>ghār</i>
ف	<i>fā'</i>	<i>f</i>	فعل <i>fi 'il</i>
ق	<i>qāf</i>	<i>q</i>	قريب <i>qarīb</i>
ك	<i>kāf</i>	<i>k</i>	كنابة <i>kināyah</i>
ل	<i>lām</i>	<i>l</i>	لباس <i>libās</i>
م	<i>mīm</i>	<i>m</i>	مجاز <i>majāz</i>
ن	<i>nūn</i>	<i>n</i>	نبي <i>nabiy</i>
هـ	<i>hā'</i>	<i>h</i>	هداية <i>hidāyah</i>
و	<i>wāw</i>	<i>w</i>	وجه <i>wajah</i>
ي	<i>yā'</i>	<i>y</i>	يد <i>yadun</i>
ة	<i>tā' marbūṭah</i>	<i>ṭ</i>	معرفة <i>ma 'rifat</i>

b) Vokal

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
ـَ	Vokal Pendek	<i>a</i>	قَلَمٌ <i>qalam</i>
ـِ	“	<i>i</i>	كَلِمَةٌ <i>kalimah</i>
ـُ	“	<i>u</i>	فُرُوقٌ <i>furūq</i>
ـَا	Vokal Panjang	<i>ā</i>	شَارِعٌ <i>shāri'</i>
ـِي	“	<i>ī</i>	سَبِيلٌ <i>sabīl</i>
ـُو	“	<i>ū</i>	قَامُوسٌ <i>qāmūs</i>

c) Diftong

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
أَيّ	Diftong	ay	طَفِيل ṭufayl
أَوْ	Diftong	aw	زَوْج zawj

e) Tashdīd Yā'

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
يّ	Tashdīd yā'	iy	الْجُرْجَانِيّ Al-Jurjāniy

SENARAI SINGKATAN

a.s	<i>'alayhi al-salām</i>
H	Hijrah
hal.	halaman
jil.	Jilid
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
r.a.	<i>Raḍīya 'Llāhu 'an-hu</i>
r.h.	<i>Raḥimahu 'Llāh</i>
S.A.W.	<i>Ṣalla 'Llāhu 'alay-hi wa sallam</i>
sunt.	suntingan
S.W.T	<i>Subḥāna-hu wa Ta'āla</i>
t.th	Tanpa tarikh
t.tp	Tanpa tempat
t.pt	Tanpa penerbit
w.	wafat

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Perbahasan balaghah tidak terlepas daripada dua asas yang utama iaitu menjadikan suatu percakapan dan pertuturan bersesuaian dengan situasi serta meninggalkan kesan mendalam kepada jiwa pendengar sehingga dia bertindak balas dengannya. Asas yang pertama adalah merupakan peranan ilmu *ma'ānī*, manakala asas yang kedua merupakan peranan ilmu *bayān* ('Abbās, 2009: 15).

Justeru, perbahasan *bayān* adalah berkaitan dengan cara dan kaedah memaparkan suatu gambaran makna yang menarik, yang menyentuh perasaan dan emosi pendengar. Oleh hal yang demikian sarjana balaghah meletakkan definisi ilmu *bayān* sebagai cara dan kaedah menyampaikan satu makna dengan pendekatan yang berbagai, sebahagiannya lebih jelas berbanding dengan yang lain atau sebahagiannya lebih meninggalkan kesan kepada pendengar berbanding dengan yang lain (al-Sakkākiy, 2000: 249).

Menurut 'Abbās (2009: 15) ilmu *bayān* ialah ilmu yang berkaitan dengan paparan gambaran bahasa pertuturan yang meninggalkan kesan. Kesan paparan suatu gambaran kepada jiwa pendengar adalah berbeza sama ada paparan gambaran berkenaan berbentuk ayat atau berbentuk objek. Ada gambaran yang menyebabkan pendengar suka dan kagum dan ada gambaran yang menyebabkan pendengar tidak boleh menerimanya dan tidak menyukainya. Kemampuan orang yang menggambarkan gambaran berkenaanlah berperanan dalam memastikan gambaran yang dipaparkan meninggalkan kesan kepada jiwa orang lain. Paparan gambaran yang baik dan berkesan mestilah mewakili khayalan yang mendalam, emosi yang hidup, perasaan yang halus, idea yang tajam yang dikongsi bersama antara pelukis dengan orang yang menghayatinya.

Dalam hal ini, Rasulullah S.A.W. didapati menggunakan ayat-ayat yang sarat dengan gaya bahasa yang mempesona dan memaparkan gambaran untuk menghiasi percakapan baginda (al-Ṣabbāgh, 1988). Oleh hal yang demikian pendekatan *bayān* baginda S.A.W. penuh dengan kiasan dan perumpamaan yang mencapai kemuncak ketinggian nilai balaghah ('Atīq, t.th: 13). Baginda diriwayatkan bersabda:

لَا تَسْتَضِيئُوا بِنَارِ الْمُشْرِكِينَ

(Al-Nasā'iy, hadith 5224; Al-Aṣfahāniy: 296)

Terjemahan: “Janganlah kamu menumpang cahaya api orang mushrikin”

Kata-kata Rasulullah S.A.W. ini pada dasarnya mengandungi makna *majāz* yang tinggi. Perkataan النَّارُ (api) digunakan secara *isti'ārah* untuk merujuk kepada

pandangan dan pendapat. Diumpamakan pandangan dan pendapat manusia dengan api kerana ada persamaan antara keduanya iaitu keduanya membantu menunjuk jalan. Api menunjuk jalan ketika kegelapan, manakala pendapat serta pandangan orang akan membantu menyelesaikan masalah ketika diperlukan. Maksud yang ingin diketengahkan ialah “janganlah kamu meminta pendapat orang musyrikin dan janganlah kamu menerima pandangan mereka” (Ibn al-Athīr, 1998).

Inilah antara tujuan mempelajari balaghah iaitu untuk menerokai keunggulan gaya bahasa dalam hadith Rasulullah S.A.W.. Hal ini kerana hadith merupakan sumber kedua selepas al-Quran al-Karīm sebagai sumber hukum yang berteraskan wahyu (Azhar Muhammad, 2008: 27). Ungkapan kata oleh Rasulullah S.A.W. tidak dituturkan berteraskan nafsu sepertimana yang ditegaskan oleh Allah S.W.T.:

﴿وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ﴾

Terjemahan: “Dan tiadalah yang diucapkannya itu (al-Quran) menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)” (surah al-Najm 53: 3-4).

Sabdaan baginda S.A.W. sepertimana yang digambarkan oleh Ahmad Shawqī dalam al-‘Ulwāniy (1993: 11) ialah “kata-kata yang sedikit bilangan hurufnya, banyak bilangan maknanya, terselamat daripada rekaan, sunyi daripada unsur mengada-adakan kata seperti yang dijelaskan oleh Allah S.W.T.:

﴿قُلْ مَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُتَكَلِّفِينَ﴾

Terjemahan: “Katakanlah (wahai Muhammad): “Aku tidak meminta upah sedikitpun padamu atas dakwahku dan bukanlah aku termasuk orang-orang yang mengada-adakan” (surah Ṣād 38: 86).

Al-Zuhayliy (1991:jil. 23: 235) dalam memerikan maksud kata التَّكْلُف di dalam ayat ini berpandangan bahawa ia bermakna sengaja mereka-reka, mengada-adakan serta mencipta kata. Hal ini turut ditegaskan oleh al-Rāfi‘iy (1998: 42) yang berkata: Baginda S.A.W. adalah insan Arab yang paling fasih lisannya. Walaupun begitu baginda tidak dengan sengaja mereka-reka kata, tidak dengan hasrat menghiasi katanya dan tidak menggunakan sebarang cara untuk mengada-adakan kata. Kalam baginda tidak lebih hanya sekadar menyampaikan makna yang ingin disampaikan. Walaupun begitu ujarannya tidak terdedah kepada sebarang kekurangan sehingga menjejaskan makna. Al-Rāfi‘iy (1984: 71) turut berkata: إِنَّهُ كَلَامٌ كُلَّمَا زِدْتَهُ فِكْرًا زَادَكَ مَعْنَى (Kalam Rasulullah adalah kalam yang selagi kamu memikirkannya selagi itulah akan bertambah maknanya).

Tambahan pula, Rasulullah S.A.W. diriwayatkan sepertimana yang disebut oleh Ibn al-Athīr (1998, jil. 2: 354) pernah bersabda: (أَنَا أَفْصَحُ مَنْ نَطَقَ بِالضَّادِ) “Akulah orang yang paling fasih dalam kalangan orang yang bertutur dengan bahasa ḍāḍ (bahasa Arab)”. ”.

Antara gaya penyampaian yang digunakan oleh baginda S.A.W. dalam menyampaikan pengajaran, peringatan dan tunjuk ajar kepada para sahabat baginda ialah dengan menggunakan perumpamaan, memaparkan gambaran, mengemukakan bidalan, perbandingan dan seumpamanya untuk memudahkan pemahaman para sahabat. Kata-kata baginda ini akhirnya diterima secara meluas oleh masyarakat sebagai *amthāl* dan sebahagiannya belum pernah diungkapkan oleh orang lain sebelum baginda (al-Jāhiz, 1968). Justeru, terdapat banyak *amthāl* yang digunakan oleh Rasulullah S.A.W. dalam menyampaikan makna yang diinginkannya. Al-Ramahurmuziy (1983: 6) menyebut bahawa Abdullah bin ‘Amrū bin al-‘Āṣ diriwayatkan sebagai berkata: “*Aku menghafaz seribu amthāl daripada Rasulullah S.A.W.*”.

Rasulullah S.A.W. diriwayatkan telah mengungkapkan sebuah *mathal* yang sarat dengan elemen balaghah seperti berikut:

هُدْنَةٌ عَلَى دَخْنٍ

Terjemahan: *perdamaian berasap* (al-Sharīf al-Raḍīy, 1937:187; al-‘Ulwānīy: 1294)

Ibn Manẓūr (1994, jil. 13: 150) berkata: perkataan الدَّخْنُ dengan dibariskan *khā’* adalah *maṣḍar* دَخَنَ النَّارَ وَتَدَخَّنَ (api berasap dan menjadi berasap) apabila dicampakkan ke atasnya kayu basah dan banyaklah asapnya.

Menurut al-Sharīf al-Raḍīy (1937: 187) ujaran baginda S.A.W. ini mengandungi *isti‘ārah* kerana Rasulullah S.A.W. mengumpamakan gambaran gencatan senjata yang memberi ruang kepada fitnah dan perdamaian yang membuka ruang kepada serangan musuh dengan sesuatu yang berasap yang menunjukkan bahawa di bahagian bawahnya ada api yang bakal menyala. Seakan-akan perdamaian itu bagaikan penutup yang menyembunyikan di bawahnya bahana peperangan. Apa yang tersembunyi di dalam tidak sepertimana yang nampak dan perkara yang disaksikan tidak sepertimana yang tersembunyi.

Kalau diamati, *mathal* yang terdiri daripada hanya tiga kosa kata ini mewakili ketiga-tiga cabang perbahasan ilmu balaghah iaitu *bayān*, *ma‘ānī* serta *badi‘* (al-Ja‘liy, 2007: 22). Kehadiran *bayān* dapat dikesan apabila ditashbīḥkan perdamaian yang dibina atas dasar penipuan dengan gambaran campakkan seberkas kayu api yang basah ke dalam api. Aspek persamaan antara keduanya ialah keadaan tenang sementara yang diikuti dengan api besar yang marak membakar. Kemudian dibuang *mushabbah bih* dan digantikan dengan sesuatu yang menunjukkan maknanya iaitu دَخْنٍ (berasap). *Isti‘ārah* dengan cara dibuang *mushabbah bih* dan digantikan dengan sesuatu yang merupakan kelazimannya dinamakan *isti‘ārah makniyyah*.

Gaya *ma‘ānī* yang dapat dikesan dalam *mathal* ini ialah penggunaan gaya *al-ījāz al-qasr*. Melalui pendekatan ini, makna yang begitu luas yang diinginkan dapat disampaikan hanya dengan menggunakan tiga kosa kata sahaja. Penggunaan kata

nama *nakirah* (indefinite) dalam hadith juga mempunyai petunjuk makna tertentu iaitu menunjukkan maksud rendah nilai dan hina.

Sementara unsur *badī'* yang terdapat dalam *mathal* ini ialah *ḥibāq* iaitu pemakaian dua kata yang saling bertentangan makna dalam satu ayat. Unsur ini jelas diperhatikan antara kata هُدْنَةٌ (gencatan senjata) yang menunjukkan makna perdamaian dengan kata دَخَنٍ (berasap) yang menunjukkan makna peperangan atau suasana yang tidak aman. Dalam perbahasan ilmu *badī'*, gaya *ḥibāq* termasuk dalam kategori *muḥassināt ma'nawīyyah* "keindahan dari aspek makna" yang menambahkan kejelasan makna yang ingin disampaikan.

Jelasnya di sini ialah *amthāl* Rasulullah S.A.W. kaya dengan unsur balaghah yang indah. Kajian mengenai unsur ini dalam *amthāl* baginda S.A.W. memerlukan kepada usaha yang berterusan untuk terus menggali, menyingkap dan membongkarkan rahsia keindahan gaya bahasa berkenaan dengan gaya yang baharu untuk memastikan ia sentiasa mendapat tempat di hati para pencinta BA khususnya dan para pencinta hadith Rasulullah umumnya.

Menyedari hakikat tersebut, penulis cuba mengutarakan satu kajian ilmiah untuk menyingkap rahsia sabdaan Rasulullah S.A.W. serta keunikan kata-katanya menerusi perbahasan aspek kajian ilmu *bayān* dengan menjadikan *amthāl* atau bidalan, perumpamaan, kiasan, perlambangan dan bahasa figuratif yang digunakan Rasulullah S.A.W. sebagai bahan kajian.

Sebagai pengenalan terhadap kajian ilmiah ini, penulis membincangkan dalam bab satu beberapa persoalan asas yang perlu dijelaskan sebelum memasuki perbincangan secara lebih mendalam. Ia merangkumi pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional dan juga kesimpulan.

1.2 Pernyataan Masalah

Rasulullah S.A.W. dianugerahkan dengan kemampuan untuk menuturkan hadith yang padat dengan nilai balaghah yang tinggi. Hadith yang disampaikan oleh baginda penuh dengan gaya bahasa yang indah dan mempunyai nilai estetika yang tinggi (Idris, 1991: 216). Lebih-lebih lagi Hadith berbentuk *amthāl* yang kaya dengan elemen *bayān* di dalamnya (al-Kūr, 1999; Ṭāhir: 2004). Elemen *bayān* dalam *amthāl* berfungsi untuk menjelaskan makna dan mendekatkannya kepada pendengar, dalam masa yang sama mampu menarik tumpuan pendengar kerana wujudnya pelbagai unsur tarikan dan keindahan (Manṣūr 2011: 29).

Al-Ṣabbāgh (1988: 19) dan Tatam (2008: 121) membuat penegasan bahawa *amthāl* Rasulullah S.A.W. merupakan satu prosa sastera yang sarat dengan kandungan makna dan banyak ungkapan *isti'ārah* atau *kināyah* sehingga sukar difahami.

Keadaan ini menuntut penguasaan yang mendalam mengenai elemen *bayān* dalam meneroka, memahami dan menginterpretasi makna setiap teks yang dibaca untuk memahami dan membentuk makna sepertimana yang dikehendaki oleh Rasulullah S.A.W.. Hal ini kerana prosa sastera tidak sekadar mengetengahkan makna tersurat sahaja, sebaliknya daripada makna tersurat itu akan lahir makna kepada makna yang diinginkan oleh penutur (Abū al-Hayjā', 2010: 33).

Oleh hal yang demikian penguasaan elemen *bayān* penting dalam memahami makna pertuturan Rasulullah S.A.W.. Seseengah *amthāl* boleh menimbulkan kemusykilan, sekiranya *amthāl* itu diinterpretasi maknanya secara literal sahaja. Namun jika elemen *bayān* turut diberi perhatian, kemusykilan akan hilang dan maksudnya akan terserlah (al-Qaradāwiy, 2002).

Kesan daripada mengabaikan elemen *bayān* yang terkandung dalam *amthāl*, akan menyebabkan berlakunya salah faham dalam memahami maknanya. Misalnya, golongan anti Hadith menyebarkan fahaman yang mengelirukan tentang Islam berpunca daripada kegagalan mereka mengaitkan elemen *bayān* dalam memahami makna *amthāl* tertentu (Faisal Ahmad Shah; 2009). Mereka membuat dakwaan bahawa umat Islam mempunyai satu perut, manakala orang bukan Islam mempunyai tujuh perut. Dakwaan ini berpunca daripada salah faham mereka terhadap *mathal* Rasulullah S.A.W. yang berbunyi:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ يَأْكُلُ فِي مَعَى وَاحِدٍ وَإِنَّ الْكَافِرَ يَأْكُلُ فِي سَبْعَةِ أَمْعَاءٍ

Terjemahan: “Sesungguhnya orang mukmin makan dengan satu perut manakala orang kafir makan dengan tujuh perut” (al-Bukhāriy: 5393; Muslim:3846; al-Tirmidhiy: 1735).

Melalui *mathal* ini, Rasulullah S.A.W. memberikan gambaran yang menarik mengenai perbezaan pandangan dua golongan manusia terhadap keduniaan, iaitu orang beriman dan orang kafir. Satu perut dan tujuh perut digunakan secara *kināyah* untuk menunjukkan perbezaan pandangan dua golongan berkenaan. Ia tidak bermaksud penciptaan orang beriman berbeza dengan penciptaan orang kafir (al-Sharīf al-Raḍīy, 1937). Hal ini dapat difahami dengan merujuk kepada konteks pengucapan *mathal*. Rasulullah S.A.W. mengucapkannya kepada seorang lelaki yang baru memeluk Islam dalam konteks mengemukakan perumpamaan mengenai perbezaan sikap antara orang beriman dengan orang kafir (al-Bukhāriy, 1999).

Di samping itu, interpretasi makna secara literal tanpa mengambil kira makna implisit *mathal* akan menyebabkan berlaku kesalahan dalam menginterpretasikan maknanya (Faisal Ahmad Shah, 2011). Misalnya, *mathal* Rasulullah S.A.W. yang berbunyi: إِنَّمَا الصَّبْرُ عِنْدَ الصَّدْمَةِ الْأُولَى (al-Bukhāriy: 1283) diinterpretasikan sebagai “sesungguhnya kesabaran itu hanyalah dikira di peringkat mula-mula di pertembungan”. Interpretasi ini merupakan interpretasi secara literal yang sukar difahami dan mengelirukan (Faisal Ahmad Shah, 2011). Maksud yang lebih tepat ialah “sesungguhnya sabar yang sebenar ialah pada saat mula ditimpa musibah”. Hal ini kerana rangkai kata الصَّدْمَةُ الْأُولَى digunakan secara *kināyah* untuk menunjukkan musibah yang menimpa seseorang secara mengejut (al-Nawawiy,

1994). Merujuk kepada *asbāb wurūd*, *mathal* ini diucapkan oleh Rasulullah S.A.W. dalam konteks memujuk seorang wanita yang meratapi kematian anaknya (al-Bukhāriy: 1999).

Melalui pengamatan pengkaji, perbezaan pandangan dalam menentukan elemen *bayān* boleh menyebabkan berlaku perbezaan hukum yang dikeluarkan daripada sesuatu *mathal*. Misalnya *mathal* Rasulullah S.A.W. yang berbunyi:

الْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ وَلِلْعَاهِرِ الْحَجَرُ

(al-Bukhāriy: 6818; Muslim: 3613; al-Maydāniy: 4367; Abū ‘Ubayd: 15; al-‘Ulwāniy: 1285)

(Terjemahan: “anak kepunyaan pemilik alas tidur dan penzina mendapat batu”)

Sebahagian ulama berpendapat rangkai kata “penzina mendapat batu” dalam *mathal* ini bermaksud penzina dihukum rejam (Al-Bukhāriy, 1999; ‘Izz al-Dīn, 1984). Manakala sebahagian yang lain berpendapat rangkai kata berkenaan bermaksud orang yang berzina terlepas daripada mendapat tuntutan terhadap anak (Ibn al-Athīr, 1963; Ibn Hajar, 1989; al-Nawawiy, 1994).

Perbezaan pandangan ini berpunca daripada perbezaan pandangan mereka dalam menentukan elemen *bayān* di sebalik penggunaan perkataan الْحَجَرُ (batu) dalam *mathal* ini. Sebahagian ulama menganggap perkataan الْحَجَرُ (batu) ini digunakan secara *majāz mursal* dengan ‘*alāqat āliyyah*, iaitu dinyatakan alat untuk merejam (batu), akan tetapi yang dikehendaki ialah perbuatan merejam. Justeru, yang dimaksudkan ialah penzina dihukum rejam. Sebahagian yang lain pula menganggap perkataan الْحَجَرُ (batu) berkenaan digunakan secara *kināyah* dengan makna terlepas daripada mendapat sesuatu yang dituntut. Justeru maknanya ialah anak menjadi milik pemilik alas tidur dan orang yang berzina terlepas daripada mendapat hak ke atas anak yang dituntut.

Dapatan ini menunjukkan pentingnya memastikan dan menghubungkan elemen *bayān* dengan konteks yang melatari nas-nas seumpama ini. Kefahaman yang baik terhadap elemen *bayān* dan konteks yang membentuk nas-nas terbabit akan membantu dalam menginterpretasikan makna sebenar setiap ujaran terbabit.

Dengan merujuk kembali kepada konteks sesuatu *mathal*, dijangka dapat membantu memberikan makna penuh sesuatu nas. Sementelah pula, dapatan kajian terdahulu menunjukkan pentingnya mengaitkan pemahaman sesuatu hadith dengan konteks yang melatarinya (Wan Muhammad, 2013). Bū Dar‘i (2006: 81) membuat penegasan bahawa untuk mendapat makna penuh sesebuah hadith, pengkaji perlu merujuk kepada konteks situasi dan perkara yang berkaitan dengannya yang terdiri daripada elemen masa, tempat, penutur dan pendengar. Penafsiran makna hadith perlu melihat kepada konteks yang melatari pengucapan, pengetahuan penutur, pegangannya dan beberapa budaya kaumnya.

Beberapa kajian mengenai hubungan antara konteks dengan pemahaman nas hadith telah dilakukan (Ḥamādah, 2007; Ahmad Muḥtaba, 2009; Langaji, 2009; Munawir, 2009, Siti Fuadah, 2012; Wan Muhammad, 2013). Hasil kajian Ḥamādah (2007: 71) menunjukkan kesan pengaruh konteks menyebabkan berlaku perselisihan pendapat dalam kalangan *fuqahā'* mengenai hukum duduk *istirāḥah* dalam solat. Punca perselisihan kembali kepada persoalan adakah Rasulullah S.A.W. melakukan perlakuan tersebut kerana ia sebahagian daripada tuntutan dalam solat atau baginda melakukannya kerana faktor usia baginda yang semakin meningkat? Dapatan kajian Langaji, (2009: 173) menunjukkan pemahaman kepada konteks keseluruhan hadith mampu merungkaikan persoalan mengenai maksud larangan wanita berziarah kubur. Manakala Munawir (2009: 130) pula mendapati dengan merujuk kepada konteks masa difahami bahawa memerangi golongan murtad juga boleh dilakukan melalui pena dan dialog. Lantaran itu, Ḥamādah (2007: 77) membuat penegasan perlunya merujuk kepada konteks untuk memahami makna sesuatu nas.

Justeru, kajian yang mengaitkan *amthāl* Rasulullah S.A.W. dengan konteks yang melatarinya sangat wajar dilakukan. Berdasarkan kepada faktor ini, pemilihan teori *naẓm* didapati sangat tepat dengan bahan kajian. Hal ini kerana konteks adalah salah satu elemen dalam *naẓm* al-Jurjāniy. Bahasa menurutnya terdiri dari tiga komponen iaitu idea, konteks linguistik dan konteks situasi (Sāmīr Istitiyah dalam 'Amif Fā'il et al. 2012). Dalam hal ini, al-Jurjāniy mendokong pandangan sarjana Arab yang menyatakan keperluan mengaitkan konteks dalam menganalisis makna. Idea mengenai keperluannya diabadikan di dalam kaedah yang diguna pakai mereka sejak sekian lama iaitu: *لِكُلِّ مَقَامٍ مَقَالٌ* (*bagi setiap situasi ada bahasanya*) (Ḥassan, 2006).

Dalam memahami makna *amthāl* yang dikaji, konteks perlu dirujuk. Konteks ini boleh ditelusuri dengan cara merujuk kembali kepada *asbāb wurūd*, atau kisah di sebalik atau latar belakang atau peristiwa yang melatari sesuatu hadith sama ada berbentuk soalan yang diajukan atau peristiwa yang berlaku atau kisah yang menjadi sebab sesuatu *mathal* diucapkan oleh Rasulullah S.A.W. Mengetahui sebab Rasulullah S.A.W. menuturkan sesuatu *mathal* atau mengetahui peristiwa yang melatarinya akan menentukan konteks pertuturan baginda S.A.W.. Adakah ia dalam konteks fatwa dan penyampaian, atau dalam konteks menjatuhkan hukuman, atau dalam konteks meleraikan pertikaian atau dalam konteks kepimpinan dan mengurus tadbir rakyat atau dalam konteks memberikan pandangan berdasarkan pengalaman. Semua konteks ini mempunyai peranan besar dalam memahami nas dan meletakkannya dalam kedudukan yang betul (Ḥamādah, 2007: 75).

Secara tuntasnya, kajian yang memfokuskan kepada elemen *bayān*, makna nahu dan konteks dalam *amthāl* Rasulullah S.A.W. bagi meneroka, mendalami dan menghuraikan maknanya amat wajar dilakukan. Kajian ini diharap dapat menghasilkan sesuatu pendekatan yang boleh merapatkan jurang kefahaman terhadap *amthāl* Rasulullah S.A.W..

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan *amthāl* dalam hadith Rasulullah S.A.W. daripada aspek *bayān* serta mengenal pasti pengaruh makna nahu dan makna konteks dalam menginterpretasikan makna *amthāl* Rasulullah S.A.W. sepertimana yang ingin disampaikan kepada golongan sasaran. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Menenal pasti elemen *bayān* dalam *amthāl* Rasulullah S.A.W.
- 2) Menganalisis konteks dan makna nahu dalam *amthāl* Rasulullah S.A.W.
- 3) Merumuskan tema dalam *amthāl* Rasulullah S.A.W.

1.4 Soalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian yang digariskan, pengkaji menyusun beberapa soalan kajian untuk dijawab sepanjang menjalankan kajian ini. Soalan kajian untuk kajian ini disusun seperti berikut:

- 1) Apakah elemen *bayān* yang terdapat dalam *amthāl* Rasulullah S.A.W.?
- 2) Apakah fungsi konteks dan makna nahu dalam *amthāl* Rasulullah S.A.W.?
- 3) Bagaimanakah Rasulullah S.A.W. mengemukakan tema pemikiran melalui *amthāl*?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan tersendiri kerana pengkaji mengetengahkan sebuah kajian yang berkisarkan elemen *bayān* dalam *amthāl* yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W. dengan menggunakan teori *naẓm*.

Elemen *bayān* dipilih kerana perbahasan *bayān* adalah berkaitan dengan cara dan kaedah memaparkan suatu gambaran makna yang menarik, yang menyentuh perasaan dan emosi pendengar serta bersesuaian pula dengan kehendak situasi. Lāshīn (1998: 20) mengaitkan *bayān* dengan cara mengemukakan satu makna dalam bentuk gambaran yang berbagai yang berbeza-beza tahap kejelasannya tetapi bersesuaian dengan kehendak situasi. Manakala ‘Abbās (2009: 14) menegaskan *bayān* lebih cenderung kepada keberkesanan dan lebih hampir kepada emosi.

Justeru, kajian berkaitan *bayān* melibatkan gambaran yang dipaparkan, keberkesanan gambaran yang dipaparkan terhadap emosi pendengar dan kesesuaian gambaran berkenaan dengan situasinya.

Gambaran makna yang dipaparkan melalui pendekatan *bayān* pula berbeza-beza tahap kejelasannya. Melalui pendekatan *tashbīh*, gambaran yang dipaparkan menjadi jelas sehingga mampu dikesan oleh golongan bijak pandai dan masyarakat awam. Manakala gambaran yang dikemukakan melalui pendekatan *isti'ārah* dan *kināyah*, lebih halus dan berseni sehingga tidak mampu dikesan melainkan oleh golongan tertentu (Lāshīn, 1998: 20). Justeru, pendekatan berkenaan tidak dikemukakan melainkan kepada golongan yang memahaminya. Oleh hal yang demikian, memilih dan menentukan pendekatan yang bersesuaian untuk menyampaikan sesuatu maksud bersesuaian dengan situasi pendengar adalah penting dalam memastikan makna yang diingini berjaya disampaikan dengan berkesan.

Melalui kajian ini pengkaji dapat melihat sejauh mana kesesuaian gambaran makna yang dikemukakan oleh Rasulullah S.A.W. dalam *amthāl*nya dengan melihat kepada konteks pengucapan *amthāl* berkenaan. Justeru, kajian ini dapat menonjolkan ketinggian *bayān* dalam *amthāl* Rasulullah S.A.W. yang dianggap lebih tinggi berbanding dengan *amthāl* Arab jahiliah (Qaṭāmish, 1988: 465).

Pemilihan *amthāl* sebagai bahan kajian mempunyai kepentingan tersendiri. Hal ini kerana *amthāl* bukan sekadar mengandungi dasar-dasar hidup yang baik, tetapi juga mempunyai nilai bahasa yang tinggi. Menurut (Qaṭāmish, 1988: 5) *amthāl* menggambarkan warisan budaya, perjalanan hidup dan pemikiran sesuatu bangsa. *Amthāl* juga kaya dengan rakaman sejarah kehidupan harian masyarakat. *Amthāl* juga kaya dengan elemen *bayān* di dalamnya. Malah *amthāl* memainkan peranan penting dalam menonjolkan keindahan balaghah Arab.

Muḥyi al-Dīn (2010: 11) pula menyatakan bahawa *amthāl* merupakan bejana bahasa yang bersih yang jauh daripada unsur-unsur rekaan yang membebankan. Kepentingan *amthāl* dari aspek kebahasaan jelas apabila peredaran masa tidak berupaya melunturkan kejernihan bahasanya. Lalu *amthāl* berupaya memaparkan ukiran zaman sepenuhnya dengan memberikan imaginatif secara benar dan bersih.

Amthāl pada zaman jahiliah terhasil melalui pengalaman hidup sosio masyarakat serta peristiwa-peristiwa yang dilalui. Walau bagaimanapun ia mengandungi bahasa yang indah, di samping buah fikiran yang tinggi yang berkekalan sepanjang zaman dan diwarisi sehingga ke generasi seterusnya (‘Aliy, 1986: 226).

Situasi ini juga terdapat dalam *amthāl* Rasulullah S.A.W. Nilai estetika yang terdapat dalam *amthāl* Rasulullah S.A.W. digambarkan oleh Ḥamūd (2010) sebagai sangat cantik dan menonjol bagaikan indahnya seorang pengantin berbanding para pengapit di sekelilingnya, sekiranya ia disadur oleh para sasterawan dalam hasil nukilan karya mereka.

Manakala Qaṭāmish (1988: 465) menegaskan bahawa nilai *bayān* dalam *amthāl* baginda S.A.W. mengatasi ketinggian *bayān* dalam *amthāl* orang Arab pada zaman

jahiliyah. Hal ini kerana Rasulullah S.A.W. dianugerahkan segala sebab untuk muncul sebagai orang Arab yang paling petah bahasanya dan paling tinggi *bayānnya*. Baginda membesar dan memperoleh bahasa dalam kalangan kabilah yang terkenal dengan kepetahan bahasanya, kefasihan sebutannya dan keindahan *bayānnya*. Baginda dilahirkan dari keluarga Bani Hāshim, keluarga ibunya dari Bani Zahrah, disusukan oleh keluarga Bani Sa'd, membesar dalam kalangan golongan Quraisy, berkahwin dengan Bani Asad dan berhijrah kepada Bani 'Amrū. Dalam tempoh baginda membesar dan memperoleh bahasa, baginda tidak pernah keluar dari kalangan golongan berkenaan. Mengenai hal ini, baginda S.A.W. bersabda:

أَنَا أَفْصَحُ الْعَرَبِ بَيِّدَ أُنْيٍ مِنْ فُرَيْشٍ وَتَشَأْتُ فِي بَنِي سَعْدِ بْنِ بَكْرٍ

Terjemahan: “Aku orang Arab yang paling fasih kerana aku barasal daripada kalangan Quraisy dan aku membesar dalam kalangan Bani Sa'd bin Bakr” (al-Rāfi‘iy, 2000. jil.2: 227).

Oleh hal yang demikian, al-Jāhiz (1968, jil. 2: 9) menegaskan bahawa orang Arab dan Islam menggunakan secara meluas sabdaan baginda S.A.W. yang ringkas tetapi padat dengan makna sebagai *amthāl*. Antaranya ialah sabdanya:

- يَا خَيْلَ اللَّهِ! ارْكَبِي (Wahai kuda Allah! Maralah)
- مَاتَ حَنْفَ أَنْفِهِ (mati dalam keadaan musnah hidungnya)
- لَا يَنْتَطِحُ فِيهِ عَزْزَانِ (dua kambing jantan tidak akan berlaga dalam urusan ini)
- الْآنَ حَمِيَ الْوَطِيسُ (sekarang dapur telah menjadi panas)
- كُلُّ الصَّيْدِ فِي جَوْفِ الْفَرَا (semua hasil buruan di dalam perut keldai)
